

# PEMBANGUNAN BUKU KANAK-KANAK DAN REMAJA: ANALISIS UMUM PERADUAN DAN ANUGERAH SASTERA DI MALAYSIA

MD SIDIN AHMAD ISHAK

---

## ABSTRACT

*One of the common activities in developing children's literature is through book awards and in Malaysia there are several such awards organised by certain bodies including publishers' association, the National Library and Dewan Bahasa dan Pustaka. These awards have been instrumental in promoting the advancement of literature by providing incentives and recognition to local authors and editors. While there maybe disagreement over the final winners, the books shortlisted for the various awards give a good indication of the state of writing and publishing in Malaysia at any one time. This paper traces some of the major awards and analyses the winning titles in terms of the writing and this is done through content analysis of the books and document analysis of the judges's reports.*

## PENGENALAN

Sastera kanak-kanak dan remaja boleh dikatakan telah mendapat pengiktirafan yang tinggi di kalangan negara maju khususnya kerana peranan penting yang dimainkan oleh genre ini dalam usaha ke arah sosialisasi dan pendidikan. Dengan pengiktirafan tersebut, sastera kanak-kanak menjadi fokus kepada pelbagai diskusi tentang isu-isu sosial seperti kedudukan orang tua dalam keluarga, kehidupan kolektif, atau konflik budaya di kalangan kaum minoriti. Sastera kanak-kanak dan remaja juga diberi perhatian dalam bidang pengajian dan penyelidikan kesusasteraan melalui pusat-pusat penyelidikan dan pengembangan sastera untuk membantu ke arah penyediaan data-data yang penting, pengungkapan idea-idea baharu lagi segar, dan penggalian sumber-sumber penting. Ini merupakan sebahagian daripada strategi pembangunan sastera untuk golongan muda yang dilakukan oleh organisasi seperti institusi pengajian tinggi, persatuan-persatuan profesional, badan-badan kerajaan, atau badan bukan kerajaan.

Namun, pembangunan sastera dan buku kanak-kanak serta remaja merupakan prakarsa yang perlu diberi perhatian oleh karyawan sastera dan perbukuan khususnya penulis, penerbit, dan editor serta pihak-pihak lain seperti pendidik, ibu bapa, dan pihak-pihak lain yang prihatin terhadap kemajuan pendidikan generasi muda. Salah satu strategi untuk menggalakkan penerbit dan karyawan buku ke arah penghasilan bahan-bahan ini adalah melalui pengiktirafan terhadap karya, bahan penulisan, dan penerbitan. Ini lazimnya dilakukan melalui penganjuran pertandingan, pemberian anugerah, dan hadiah.

## ANUGERAH ANTARABANGSA DAN LUAR NEGARA

Di peringkat antarabangsa, banyak anugerah seperti ini diwujudkan. Salah satu yang penting ialah anugerah yang diperkenalkan oleh UNESCO pada tahun 1995 iaitu *Children's and Young People's Literature in the Service of Tolerance*. Anugerah ini adalah untuk menjunjung salah satu prinsip UNESCO yang terpenting iaitu keamanan sebagaimana yang terungkap dalam mukadimah perlembagaannya iaitu “*Since wars begin in the minds of men, it is the minds of men that the defenses of peace must be constructed.*”

Bagi tahun pertama, jawatankuasa anugerah tersebut telah menerima penyertaan sebanyak 600 buku daripada 70 negara dalam 52 bahasa. Dalam kenyataan Pengarah Bahagian Kreativiti, Milagros Del Corral (1997) semasa beliau berada di Kuala Lumpur pada tahun 1997, anugerah tersebut dikatakan bukan sahaja bertujuan untuk menyemai benih toleransi dan kedamaian dalam minda kanak-kanak pada peringkat awal lagi tetapi ia juga ingin menggalakkan penerbitan buku-buku berkualiti seiring dengan pertumbuhan mereka ke alam dewasa.

Anugerah-anugerah antarabangsa yang terkenal dan yang telah lama berlangsung adalah seperti *Hans Christian Andersen Medals* yang dikendalikan di bawah *International Board on Books for Young People* (IBBY). Ia dijalankan dua tahun sekali iaitu pada setiap tahun genap dan tujuan utamanya adalah untuk menghargai karya penulis dan ilustrator. Anugerah ini kerap diberi jolokan “*Little Nobel Prize*” kerana dianggap sebagai pengiktirafan antarabangsa yang paling berprestij yang diberikan kepada penulis dan ilustrator buku kanak-kanak. Penaung bagi anugerah ini ialah Permaisuri Denmark iaitu Permaisuri Margrethe II. Pencalonan bagi *Hans Christian Andersen Medals* dibuat oleh cawangan negara masing-masing (bagi Malaysia ialah MBBY iaitu Majlis Buku Kanak-kanak dan Remaja Malaysia) dan pemenangnya dipilih oleh sekumpulan juri antarabangsa.

Selain itu, terdapat *Phoenix Awards* yang dikendalikan oleh *Children's Literature Association* bagi buku-buku yang ditulis dalam bahasa Inggeris. *Mythopoeic Awards* pula dikendalikan oleh *Mythopoeic Society* untuk menghargai buku-buku fantasi bagi kanak-kanak dan juga dewasa selain memberikan anugerah biasiswa dalam Pengajian Mitos dan Fantasi. Di Britain terdapat beberapa anugerah untuk sastera kanak-kanak. Antaranya, *British Children's Book Awards* dianjurkan oleh Persatuan Perpustakaan yang menganugerahkan *The Carnegie Medal* dan *The Kate Greenaway Medal*. Selain itu terdapat juga *The Guardian Award for Children's Fiction*, *The Whitbread Children's Book of the Year*, *Smarties Book Prize*, *Mother Goose Award*, dan *Signal Poetry Award*. *Smarties Book Prize* menawarkan tiga kategori iaitu buku-buku bacaan untuk kanak-kanak berusia 9 hingga 11 tahun, 6 hingga 8 tahun, dan di bawah 5 tahun. *Mother Goose Award* pula diberikan kepada karyawan baharu dalam ilustrasi buku kanak-kanak manakala *Signal Poetry Award* yang diumumkan pada setiap bulan Mei adalah untuk karya puisi kanak-kanak. Antara anugerah yang terkenal di Australia pula ialah yang diberikan oleh *Australian Children's Book Council* yang terdiri daripada *Book of the Year for Older Readers*, *Book of the Year for Younger Readers*, *Picture Book of the Year*, dan *Eve Pownall Award for Information Books*.

## ANUGERAH-ANUGERAH DI MALAYSIA

Pelbagai anugerah buku kanak-kanak wujud di Malaysia, sebagaimana juga anugerah bagi kategori buku yang lain. Namun, salah satu cirinya ialah ketidaktekalan. Setakat ini, belum ada anugerah buku kanak-kanak yang dianggap mantap, stabil, mahupun berprestij. Walau bagaimanapun, peraduan dan penganugerahan yang ada bolehlah dikatakan sangat positif dalam usaha ke arah membangunkan bidang penulisan dan perbukuan kanak-kanak.

Salah satu anugerah penerbitan yang penting yang berjaya mengetengahkan buku-buku terbaik di Malaysia ialah Hadiah Buku Kebangsaan Malaysia. Anugerah ini diperkenalkan pada tahun 1991, sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur yang dianjurkan pada setiap tahun oleh Majlis Buku Kebangsaan Malaysia. Projek yang sepatutnya merupakan acara tahunan ini telah terbantut pada tahun 1997 dan 1998 kerana beberapa faktor terutamanya masalah penajaan anugerah. Pada tahun 1999, ia diadakan semula dan selepas itu terhenti sekali lagi sehingga kini. Dengan terhentinya kegiatan itu, Pesta Buku Kuala Lumpur tidak lagi diserikan oleh acara penganugerahan tersebut.

Pada tahun 1995, MABOPA dengan Kerjasama Syarikat MOBIL telah mengadakan Anugerah Sastera Kanak-kanak Mobil-MABOPA. Anugerah itu bertujuan untuk menggalakkan penulisan cerita-cerita yang asli dan bermutu tinggi bagi bacaan kanak-kanak di samping menambahkan minat membaca dan rasa cinta terhadap ilmu. Hanya buku “cereka kreatif” sahaja yang dinilai bagi anugerah tersebut manakala karya yang berbentuk buku bergambar, buku pengetahuan, koleksi atau antologi cerpen, hasil terjemahan, hasil penceritaan semula, dan karya adaptasi tidak dinilai.

Pada tahun 2004, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) untuk julung-julung kalinya memperkenalkan Anugerah Buku Perpustakaan Negara Malaysia dan salah satu daripada dua kategorinya ialah Anugerah Buku Terbaik Kategori Remaja/Kanak-kanak. Anugerah tersebut yang dilancarkan sempena Bulan Membaca Kebangsaan 2004 dirancang untuk diteruskan dan dikembangkan dari semasa ke semasa supaya dapat meliputi lebih banyak anugerah untuk kategori-kategori buku yang lain. Anugerah itu mempunyai empat tujuan berikut: memberikan pengiktirafan kepada penulis dan penerbit buku Malaysia atas sumbangan mereka kepada industri perbukuan negara; menggalakkan penulisan buku bacaan umum yang bermutu; menggalakkan penulisan dalam bidang ilmu yang boleh menjana minda masyarakat; dan menggalakkan penyerahan buku kepada Perpustakaan Negara di bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986. Anugerah ini dibuka kepada umum khususnya penerbit, penulis, dan perpustakaan untuk mengemukakan pencalonan mereka. Namun, buku yang dipertimbangkan adalah seperti yang berikut: karya asli oleh warganegara Malaysia, karya yang telah diserahkan kepada PNM, dan karya yang mengikut piawai antarabangsa dengan butiran bibliografi, maklumat ISBN dan CIP.

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) tidak boleh diketepikan dalam hal ini. Walaupun turut menghadapi masalah konsistensi, DBP sentiasa mengadakan acara seperti ini dari semasa ke semasa dan dari tahun ke tahun. Pada tahun 1978, badan ini mengadakan Peraduan Menulis Novel Kanak-kanak dan karya-karya yang memenangi peraduan ini diterbitkan sempena Tahun Antarabangsa Kanak-kanak 1979. Kemudian, sekali lagi iaitu pada tahun 1991, DBP menganjurkan peraduan yang sama dan hasil-hasilnya juga telah diterbitkan dalam bentuk buku. Satu lagi peraduan ialah Hadiah Sastera Dewan Pelajar/Harian yang diperkenalkan pada tahun 1993. Ini merupakan usaha untuk menggalakkan kanak-kanak yang berusia 13 tahun ke bawah menghasilkan karya-karya bermutu dalam bidang puisi dan cerpen. Projek sempena sambutan ulang tahun *Dewan Pelajar* yang ke-25 ini mendapat kerjasama daripada pencetak swasta iaitu Harian Zulfadzli Sdn. Bhd.

Pada tahun 1994, Jabatan Perpaduan Negara dengan kerjasama pelbagai pihak iaitu akhbar *Minda Pelajar*, Bank Simpanan Nasional, dan DBP melancarkan Sayembara Cerpen Remaja Perpaduan. Sayembara ini berterusan sehinggalah pada awal abad ke-21 ini. Pada tahun 1998 pula, DBP mendapat kerjasama daripada Syarikat Mobil untuk melancarkan Hadiah Cerpen Kanak-kanak Mobil-DBP. Hadiah ini terbahagi kepada dua kategori iaitu kategori penulis dewasa dan kategori penulis muda. Di samping menggalakkan penulis remaja

menghasilkan karya-karya penulisan yang bermutu, pertandingan ini juga bertujuan untuk mencungkil bakat-bakat baharu di kalangan penulis dewasa.

Mulai tahun 1981, GAPENA dengan kerjasama Syarikat Esso telah mengasaskan Sayembara Hadiah Sastera Remaja yang pertama dalam bidang penulisan cerpen. Namun, kegiatan ini tidak berpanjangan. Walau bagaimanapun, karya-karya yang memenangi sayembara ini telah diterbitkan oleh DBP dan mendapat perhatian yang memberangsangkan daripada kalangan pembaca. Misalnya, karya yang memenangi hadiah pertama pada pertandingan tahun 1981 itu telah diterbitkan untuk edisi ketiga pada tahun 2004 setelah dicetak untuk pertama kalinya pada tahun 1981.

### **Hadiah Buku Kebangsaan Malaysia**

Hadiah Buku Kebangsaan Malaysia dibahagikan kepada lima kategori dan salah satu daripadanya adalah untuk buku kanak-kanak. Di bawah kategori buku kanak-kanak, Hadiah tersebut dibahagikan kepada lima subkategori yang lain iaitu Buku Bergambar, Buku Sastera, Buku Pengetahuan/Rujukan, Buku Terjemahan/Adaptasi Sastera, dan Buku terjemahan/Adaptasi Pengetahuan. Di bawah kategori buku remaja pula, terdapat lima subkategori iaitu Buku Sastera, Buku Pengetahuan, Buku Rujukan, Buku Terjemahan/Adaptasi Sastera, dan Buku Terjemahan/Adaptasi Pengetahuan. Selain itu, terdapat juga kategori untuk buku dewasa.

Pada tahun pertama Hadiah itu diperkenalkan, terdapat 50 penyertaan untuk kategori kanak-kanak iaitu daripada Pustaka Antara (10), Pustaka Pertiwi (10), DBP (6), dan Penerbit Marwilis (5). Penyertaan lain diterima daripada Creative Publishing, Mala Publications, Pustaka Delta Pelajaran, Pustaka Sistem Pelajaran, Federal Publication, dan Penerbit Mecron. Pada tahun 1992, hanya 19 penyertaan yang diterima untuk kategori buku kanak-kanak khususnya daripada DBP (6) dan Adlaunch (4). DBP merupakan peserta yang paling konsisten dan sehingga tahun 1995, sebanyak 35 judul buku telah dikemukakan. Adlaunch pula telah mengemukakan sejumlah 25 judul sepanjang lima tahun, Penerbitan Fajar Bakti sebanyak 22 judul manakala Pustaka Delta Pelajaran sebanyak 13 penyertaan.

Daripada Hadiah tersebut, judul-judul buku kanak-kanak yang telah menang dan dianggap terbaik bagi kategori Buku Bergambar dan Berilustrasi ialah *Kamus Bercerita* (Amiza), *Berkelelah di Pantai* (DBP), *Hendak Ke Mana Cantik* (DBP), *Aiman Di Dusun* (DBP), *Puteri Gunung Ledang* (Fajar Bakti) *Singapura Dilanggar Todak* (DBP), dan *Bergembira Dengan Basic* (Federal Publications). Buku-buku kanak-kanak cereka yang dianggap terbaik sepanjang hadiah tersebut ialah *Indahnya Alamku* (DBP), *Kai Di Lembah Urda* (DBP), dan *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* (UPD). Bagi buku pengetahuan/rujukan, buku terbaik ialah *Siri Mengenal Haiwan* (DBP) manakala buku terjemahan ialah *Momotaro* (DBP). Tidak semua kategori dimenangi setiap tahun dan ini menunjukkan bahawa kualiti buku tidak mencapai jangkauan pihak pengadil.

Daripada Hadiah itu juga, DBP memperlihatkan keunggulannya sebagai penerbit yang berwibawa dengan memenangi sebahagian besar hadiah yang diberikan. Selain itu, beberapa nama ilustrator terbaik telah muncul melalui pertandingan itu iaitu Raja Zarith Idris, Maslil Maslor, Hadi Radzi, Mohd Yusof Ismail, Chee Seng Hong, Soh Teck Bee, Chua Bak Seng, dan Kwan Kit Meng. Mohd Yusof Ismail dari DBP bukan sahaja merupalam ilustrator bagi buku *Hendak Ke Mana Cantik* (1991) tetapi beliau juga merupakan penulisnya. Raja Zarith Idris pula menghasilkan ilustrasi untuk buku *Puteri Gunung Ledang*.

Buku *Puteri Gunung Ledang* merupakan buku cerita rakyat yang sebahagian besarnya dipersembahkan dengan ilustrasi yang menarik yang menggambarkan pemandangan dan suasana hutan serta suasana desa tempat tinggal masyarakat Melayu tradisional. Selain itu, terdapat juga ilustrasi suasana di istana Melayu dengan kostum tradisional yang cantik. Ilustrasi warna diletakkan

secara berselang-seli dengan ilustrasi hitam-putih. Walau bagaimanapun, buku *Puteri Gunung Ledang* hanya diberi anugerah dari segi pengkaryaan dan bukan dari segi penerbitan kerana dikatakan mempunyai masalah teknikal seperti tidak mempunyai ISBN dan CIP.

Secara keseluruhannya, panel pengadil Hadiah Buku Kebangsaan Malaysia pada setiap tahun menyatakan perasaan tidak berpuas hati dengan pencapaian umum karya-karya yang dipertandingkan. Mereka berulang kali menyatakan kelemahan dari segi kandungan dan persembahan penulisan selain persembahan fizikal yang meliputi aspek reka bentuk, penjilidan, ilustrasi, dan aspek-aspek percetakan. Pada tahun 1992, laporan panel hakim secara khusus menyebut kelemahan yang sangat ketara dalam kategori buku kanak-kanak. Mereka berpendapat seperti yang berikut:

Mutu dalam kategori [buku kanak-kanak] jauh daripada memuaskan. Soal pokok ialah mengapa penulis dan penerbit kita seolah-olah tiada kemampuan dan kesungguhan dalam hal penerbitan buku kanak-kanak. Mereka perlulah menyoal diri sendiri mengapa terjadi demikian. Yang menjadi penawar adalah ilustrasi dalam buku kanak-kanak...susunan lukisan dalam buku berkenaan tersusun rapi dan terdapat pula adunan warna-warni yang memberi kesan yang cukup menawan.

Pengamatan panel hakim ini menggambarkan sikap penerbit yang sambalewa dalam hal penerbitan buku kanak-kanak dan mereka dicadangkan supaya menyoal diri mereka tentang pencapaian yang mengecewakan. Namun, sebagaimana yang ditimbulkan oleh pengerusi panel hakim bagi hadiah tahun 1991 (Buku Cenderamata Hadiah Buku Kebangsaan 1991), lazimnya penerbit akan menyalahkan penulis kerana dikatakan gagal menghasilkan manuskrip yang bermutu. Begitu sebaliknya, penulis akan menyalahkan penerbit kerana tidak mampu menangani manuskrip mereka dengan profesional.

Panel hakim untuk tahun 1993 pula menegaskan bahawa kandungan buku, bahasa, dan persembahan belum memperlihatkan kemantapannya. Penyuntingan dikatakan masih terlalu lemah dan “bahasa dalam buku kanak-kanak agak kaku dan menjemukan” (Buku Cenderamata Pesta Buku Antarabangsa Malaysia 1993). Disebutkan juga bahawa “pengarang tidak peka dengan perbezaan nilai, budaya, akhlak dan jantina dalam karya mereka.” Bagi tahun 1994, sekali lagi panel hakim sangat berdukacita kerana “kami tidak dapat mengesan buku yang benar-benar baik dan bermutu...” Hal ini berlaku sebahagian besarnya dalam Kategori A (Buku Kanak-kanak) dan Kategori B (Buku Remaja).

### **Anugerah Sastera Kanak-Kanak MOBIL-MABOPA**

Dalam Anugerah Sastera Kanak-kanak Mobil-MABOPA, sebanyak 70 judul buku kanak-kanak dan remaja yang diterbitkan pada tahun 1994 telah diterima untuk penilaian. Ini bermakna sebanyak empat peratus buku yang diserahkan untuk anugerah tersebut berbanding sejumlah 1,844 judul buku baru yang diterbitkan. Namun, sebagaimana yang termaklum, sebahagian besar buku yang diterbitkan bukan dalam kategori cereka.

Pemenang pertama bagi buku kanak-kanak ialah karya oleh Sudirman Hj Arshad yang berjudul *Taming Si Budak Pintar* terbitan Berita Publishing. Hadiah Saguhati adalah bagi buku *Ima Puteri Air* oleh Azmah Nordin, terbitan DBP, serta buku *Wira III* oleh Razali Mohd Hassan, dan *Awang Hitam* oleh Mohd Rabbani Omar yang kedua-duanya diterbitkan oleh Edusystem. *Taming Si Budak Pintar* menceritakan kisah Taming yang tidak disukai oleh ibu dan bapanya kerana pada pandangan mereka Taming merupakan anak yang sentiasa memberi kesusahan. Untuk mengatasi masalah itu, Taming disuruh supaya merantau dan tidak dibenarkan

pulang selagi dia tidak menemui puteri raja untuk dijadikan isteri. Taming pun mengembara dari satu kampung ke satu kampung, dan melalui akal fikirannya, dia berjaya menyelesaikan masalah yang terdapat di kampung yang dilawatinya.

Buku remaja dimenangi oleh Khadijah Hashim yang menulis judul *Langkah Pertama* manakala pemenang saguhati ialah *Mencari Kebebasan* oleh Zulkifli Mansor, *Misteri Pulau Memutik* oleh Rubiah Dullah, dan *Farhana* oleh Abu Hassan Morad yang kesemuanya merupakan terbitan DBP.

*Langkah Pertama* memaparkan kisah seorang gadis remaja bernama Mona yang berazam dan berusaha dengan penuh kegigihan untuk menjadi pemain tenis yang handal. Antara cabaran yang dihadapi dalam usaha mencapai impiannya itu ialah masalah perhubungan dengan rakan-rakan. Masalah tersebut pada masa yang sama merupakan pengalaman yang dilalui dalam proses menuju alam keremajaan. Namun, dengan semangat yang kuat, Mona berjaya menghadapi cabaran kehidupannya.

Anugerah Sastera Kanak-kanak Mobil-MABOPA 1995 memaparkan laporan panel hakim yang menyatakan bahawa “pada keseluruhannya mutu karya-karya yang dinilai agak rendah.” Kelemahan yang agak ketara, menurut laporan itu, terdapat dari segi teknik persembahan dan pengolahan tema. Panel hakim juga berpendapat bahawa gaya persembahan pada keseluruhannya adalah membosankan dengan plot yang agak mendatar sehingga pembaca dapat mengagak apakah yang akan berlaku seterusnya. Dalam hal itu, panel menyatakan bahawa penulis tidak berusaha untuk mendahului pembaca dengan merancang jalan cerita yang menarik, memberikan dan mengekalkan suspens sebelum membuat penyelesaian. Ini bermakna bahawa penulis tidak mampu menarik dan mengekalkan pembacaan sehingga akhir cerita.

Walau bagaimanapun, Panel Anugerah Sastera Kanak-kanak Mobil-MABOPA 1995 mendapati bahawa sesetengah penulis berjaya memilih tema yang menarik dan sesuai. Namun begitu, tema yang baik telah terkorban apabila penulis tidak menguasai teknik penceritaan seperti dalam aspek watak dan perwatakan. Melalui buku-buku yang dinilai didapati bahawa watak kanak-kanak kadangkala dikemukakan dengan cara yang tidak munasabah dengan darjah kebolehpercayaan yang sangat rendah. Laporan tersebut mengambil contoh pelukisan yang tidak masuk akal terhadap watak kanak-kanak Melayu berusia 11 tahun semasa berlakunya serangan Jepun ke atas Tanah Melayu. Kanak-kanak itu yang dilukis dengan pengetahuan yang tinggi tentang negara Jepun, melebihi pengetahuan orang dewasa. Dalam konteks dan latar cerita tersebut, gambaran sedemikian terasa dibuat-buat dan jelas merosakkan keseluruhan cerita. “Unsur-unsur ketidakmunasabahan seperti ini mencatatkan realiti cerita. Dalam hal seperti ini, pembaca tidak dapat melakukan ‘a suspense of disbelief’ kerana kejadian itu tidak mengandungi apa yang dapat disebut ‘kebenaran kreatif’ atau ‘dramatic truth’ yang dapat dipertahankan atau dianggap mempunyai logiknya sendiri.”

Laporan Panel Anugerah Sastera Kanak-kanak Mobil-MABOPA 1995 juga menyebut bahawa cara penulisan masih bersifat mengajar atau didaktik dan ini menunjukkan bahawa penulis buku kanak-kanak dan remaja tidak berjaya membebaskan diri mereka daripada pengaruh sudut pandangan, pengalaman, dan peraturan orang dewasa apabila menulis untuk khalayak kanak-kanak. Secara keseluruhannya panel anugerah itu berpendapat bahawa walaupun pelbagai tema menarik dipilih, pencapaian bahasa adalah lemah dan persembahannya pula tidak berjaya menampilkan unsur-unsur drama, penerokaan, dan fantasi untuk “menghidupkan” karya secara luar biasa.

## Peraduan Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka

Pembangunan sastera oleh DBP melalui pertandingan dan anugerah boleh dikatakan bermula sebaik sahaja badan itu ditubuhkan. Pada tahun 1958, DBP telah melancarkan Peraduan Mengarang Cerita Panjang yang berjaya menghasilkan novel-novel *Musafir* (1959), *Salina* (1961), dan *Desa Pingitan* (1964). Peraduan itu telah melahirkan novelis-novelis yang akhirnya menjadi tokoh sasterawan tempatan. Namun begitu, peraduan yang awal itu adalah untuk karya-karya bacaan dewasa. Sebelum itu, iaitu pada tahun 1951, Jabatan Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu melalui Pejabat Karang-Mengarang telah memulakan Peraduan Mengarang Cerita-cerita Bahagian Cerita-cerita Panjang. Dalam peraduan ini, Hashim Amir Hamzah telah memenangi hadiah pertama dengan novelnya yang berjudul *Cincin Rabsia*. Novel ini diterbitkan untuk pertama kali pada tahun 1981 dan kemudian edisi keduanya muncul pada tahun 2004 di bawah Siri Sastera Melayu Remaja Pilihan Abad 20.

Novel *Cincin Rabsia* merupakan sebuah kisah misteri yang berlatarbelakangkan masyarakat tahun 1950-an iaitu waktu selepas pendudukan tentera Jepun dan rakyat mula didedahkan dengan beberapa unsur pembangunan fizikal dan pendidikan. Ia berfokus pada peranan Dr Ariff dan Inspektor Asraf yang berusaha untuk menyelesaikan pembunuhan Datuk Kaya Setia Mohd Sharif yang nampaknya mempunyai kaitan dengan beberapa pembunuhan sebelumnya yang dilakukan terhadap Ahli Majlis Mesyuarat Negeri. Dr Ariff merupakan pengusaha gedung ubat Rakyat Dispensary dan beliau juga telah dilantik sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selangor. Setelah melalui pelbagai liku-liku penyiasatan, mereka akhirnya dapat menangkap pembunuhnya iaitu Awang Murshid yang membalas dendam kerana dia dan keluarganya telah dianiaya dan menjadi mangsa “masyarakat yang pincang angkara penindasan yang bertuhankan wang” (Hashim Amir Hamzah 2004). Itulah tema utama novel ini iaitu masalah sikap orang kaya yang mementingkan kekayaan dan pangkat.

Karya ini istimewa kerana mempunyai plot yang menarik. Kisah dendam yang berakhir dengan pembunuhan mungkin kelihatan biasa, tetapi dalam novel ini, pembaca berhadapan dengan pelbagai kemungkinan yang menimbulkan perasaan tanda tanya dan suspens, sebagaimana yang dialami oleh watak-watak protagonis ketika menjalankan siasatan. Beberapa panduan yang mengaitkan kes itu dengan motif politik ternyata meleset apabila akhirnya terbukti bahawa isu itu bersifat peribadi iaitu kerana masalah persaingan dalam perniagaan dan penolakan pinangan.

Dari segi penceritaan, novel ini walau bagaimanapun masih mengekalkan ciri-ciri didaktik yang jelas dengan teknik seperti syarahan tentang moral dan kebaikan sosial. Tiga bab terakhir merupakan kesimpulan cerita yang dipenuhi dengan segala huraian dan alasan di sebalik plot dan persoalan. Bab sepuluh iaitu “Pembunuh Bercerita” menghuraikan alasan-alasan di sebalik pembunuhan yang diceritakan sendiri melalui pengakuan pembunuh. Bab sebelas berjudul “Uraian Penyiasatan” juga mempunyai tujuan yang sama tetapi dari sudut pandangan watak protagonis. Bab akhir pula merupakan satu plot baharu yang tiada kaitan dengan isu pembunuhan atau dendam tetapi masih relevan dari segi tema. Bab yang bertajuk “Antara Dua Jejaka” itu berfokus pada surat seorang pemuda yang menasihati bekas kekasihnya supaya tidak terpedaya dengan harta dan pangkat. Teknik syarahan tentang kebaikan dan kepentingan moral dapat digambarkan melalui petikan berikut (Hashim Amir Hamzah 2004):

Ayah adinda itu hanya mengagung-agungkan kebesaran pangkat dan gelarannya. Kononnya anak Datuk itu jodohnya anak Datuk juga. Syarifah itu hanya untuk tuan Syed sahaja pasangannya. Dan Tengku itu Tengku sahaja kupunya. Faham tinggi rendah di kalangan masyarakat kita yang sedemikian itulah yang banyak memakan korban dan memundurkan kita. Bukankah orang yang semulia-mulia di sisi Tuhan itu orang yang

lebih taqwa kepada-Nya sahaja! Pemuda-pemudi dari Angkatan baru wajib merobohkan benteng kekoltan supaya masyarakat bangsa kita akan menempuh gemilangnya pada masa hadapan kelak

Peraduan Menulis Novel Kanak-kanak 1978 telah menarik perhatian ramai dengan adanya sambutan yang menggalakkan daripada penulis-penulis baharu dan juga penulis-penulis mapan. Pemenang pertama peraduan ini ialah Sharifah Hasnah Abdullah yang menulis karya *Ibu Yang Kusayang*. Novel ini menceritakan kisah Azlan yang menghadapi pergolakan jiwa apabila mendapat tahu bahawa ibunya akan berkahwin lagi. Sebagai protes, Azlan telah menjebakkan diri ke dalam pergaulan dengan budak-budak nakal sehingga menyebabkan dia menjadi kurang ajar kepada ibunya.

Namun, novel ini juga adalah tentang pergolakan perasaan seorang kanak-kanak lelaki yang mulai menempuh alam remaja. Perasaan ingin pada kebebasan merupakan sesuatu yang lumrah, dan dalam hal ini Azlan mendapatkan kebebasannya melalui pergaulan dengan rakan-rakan yang mempunyai keinginan yang sama dengannya. Pada waktu inilah mereka mula cuba merokok dan melakukan perbuatan-perbuatan yang menyeleweng daripada norma masyarakat sebagai memenuhi sifat ingin tahu dan jiwa memberontak. Namun, melalui pendidikan keluarga yang baik, segala keinginan itu dapat dihindarkan. Hal ini jelas sejak awal lagi iaitu dalam perenggan pertama, bab satu yang berjudul “Kawan Baharu” (Sharifah Hasnah Abdullah 2004):

Hatiku tidak pernah terganggu dan marah sebagaimana yang kualami sekarang ini. Kesal juga aku berjumpa dengan Karim. Ibu sudah berkali-kali mengingatkan aku jangan dekat dengan Karim, jangan bercakap pun dengan Karim. Semua ibu di kampung Kenanga menganggap Karim jahat. Aku sendiri pernah melihat Karim dirotan oleh guru besar di hadapan murid-murid pada masa perhimpunan pagi di dataran sekolah. Aku juga pernah mendengar yang dia ditahan polis. Kata ibu dia ditahan polis kerana mencuri ayam orang. Tapi apa gunanya mencuri ayam? Bukannya boleh dimakan. Barang curi haram dimakan, kata Ustaz Sulaiman. Tentu Karim tahu kerana dia juga pergi ke kelas agama.

Novel ini menggunakan sudut pandangan orang pertama watak utama iaitu Azlan. Akibatnya terlalu banyak penerangan daripada pemerhatian watak serba tahu. Hasilnya ialah penerangan itu bersifat memberitahu, pasif, dan kadangkala menjemukan pembaca. Namun begitu, teknik syarahan yang sangat menonjol dalam *Cincin Rabsia* tidak begitu kelihatan dalam novel *Ibu Yang Kusayang*. Teknik memberitahu ini memperlihatkan unsur syarahan yang semakin kurang tetapi masih mempunyai nilai pengajaran yang tebal.

Hadiah Sastera Dewan Pelajar/Harian pula diperkenalkan pada tahun 1993. Ia merupakan usaha untuk menggalakkan kanak-kanak yang berusia 13 tahun ke bawah menghasilkan karya-karya bermutu dalam bidang puisi dan cerpen. Projek sempena sambutan ulang tahun *Dewan Pelajar* yang ke-25 ini mendapat kerjasama daripada pencetak swasta iaitu Harian Zulfadzli Sdn. Bhd. Dengan pengenalan Hadiah tersebut, sepanjang tahun 1994, *Dewan Pelajar* telah menerima sebanyak 2,500 penyertaan untuk puisi dan 1,500 penyertaan untuk cerpen. Namun, hanya lima buah cerpen dan sepuluh buah puisi terbaik yang diberi hadiah utama.

Hadiah Cerpen Kanak-kanak Mobil-DBP 1998 mengandungi dua kategori iaitu kategori penulis dewasa dan kategori penulis muda. Di samping menggalakkan penulis remaja menghasilkan karya-karya penulisan yang bermutu, pertandingan ini juga ingin mencungkil bakat-bakat baharu di kalangan penulis dewasa. Hasil pertandingan tersebut telah dibukukan



dalam tajuk *Laman Opah* (1999). Dua penulis terkenal dalam kategori dewasa telah memenangi anugerah ini iaitu Baharuddin Omar (“Hilangnya Entah ke Mana”), dan Ghazali Lateh (“Laman Opah”). Penulis-penulis baharu adalah seperti Halis Azhan Mohd Hanafiah (“Seperti Mengejar Pelangi”) dan Zamidah Hashim (“Kanang”) yang masing-masing memenangi hadiah utama. Dalam kategori penulis muda, nama-nama baru telah muncul iaitu seperti Suniranto Shukor, Norazlin Busah, Izwar Fahmi Hawari, dan Nurul Hasnaa Sahidan. Tema-tema yang diteroka dalam antologi *Laman Opah* adalah luas dan tidak tertumpu pada sesuatu aspek yang tertentu. Namun satu ciri yang nyata adalah tentang galakan terhadap nilai-nilai murni, peradaban mulia, wawasan tinggi, dan kehidupan pelbagai kaum di Malaysia.

Panel hakim untuk Hadiah Cerpen Kanak-kanak Mobil-DBP 1998 secara umumnya berpendapat bahawa karya-karya yang dipertandingkan belum mampu menguasai tahap yang memuaskan dari segi naratif, interpretasi, dan kesan akhir. Ada peserta yang dapat mengutarakan cerita dengan baik tetapi terjejas oleh urutan plot yang bercelaru. Para peserta juga dikatakan tidak menguasai watak dan perwatakan dengan baik. Dari segi penguasaan bahasa, panel hakim berpendapat bahawa kebanyakan peserta tidak berupaya menterjemahkan aksi sehingga karya-karya mereka bersifat deskriptif, mendatar, dan lebih mengutamakan suara penulis. Selain kriteria naratif, penceritaan dan kesan akhir, pengadilan juga dibuat berdasarkan fungsi sastera kanak-kanak seperti mendidik, menghibur, memberikan pengalaman, dan menambah pengetahuan.

Dalam Sayembara Cerpen Remaja Perpaduan 2000, karya yang diadili terdiri daripada 20 buah cerpen yang tersiar dalam *Minda Pelajar* terbitan tahun 2000. Pemenang hadiah pertama ialah Amirul Aswad Abdul Rani yang menulis karya berjudul “Jentayu” manakala pemenang kedua ialah seorang penulis Tionghua iaitu Law Huong Ling yang menulis karya “Bulat Air”. Cerpen “Warkah Nurisya dari La Bouverta” oleh Puteri Nor Aznie Fahsyar mendapat tempat ketiga. Sebanyak lima belas cerpen lain diberi anugerah penghargaan.

Berdasarkan penilaian panel hakim, terdapat beberapa kesimpulan yang boleh merumuskan pencapaian karya-karya tersebut. Pertama, penyertaan penulis di kalangan pelbagai kaum semakin meningkat dari tahun ke tahun, sejak sayembara ini dilancarkan pada tahun 1994. Kedua, pemaparan tema yang bersifat klise amat ketara iaitu persoalan yang berfokus pada alam persekolahan remaja. Ketiga, unsur “melankolik menguasai plot” dengan jalinan cerita yang bergerak di sekitar isu-isu kemiskinan, kehidupan yang terbiar, dan perhubungan yang “artifisial di kalangan pelajar multietnik”. Selain itu, panel hakim juga menyebut tentang “peranan watak-watak yang digambarkan tidak seimbang” dan “pelukisan peristiwa yang dialami para watak agak kurang halus dan impaknya cair” (Jabatan Perpaduan Negara 2001). Memandangkan para peserta sayembara ini terdiri daripada penulis-penulis baharu yang merupakan para pelajar belasan tahun, maka ulasan sedemikian tidaklah menjadi suatu kejutan. Bagi sayembara 2001, cerpen-cerpen yang diadili merupakan karya yang berjaya diterbitkan oleh akhbar *Skor* pada tahun 2001. Hadiah pertama yang berupa wang tunai RM1,500 dan wang akaun simpanan berjumlah RM2,000 digondol oleh Siti Hasnizar Mohamad dengan cerpen bertajuk “Kami dan Afeya”. Hadiah kedua ialah cerpen “Rumpun” oleh Hartini Bahar manakala cerpen “Harga Sebuah Prasangka” yang dikarang oleh Noorsuhaila Abu Bakar telah mendapat tempat ketiga.

Dalam sayembara 2001 ini, panel berpendapat bahawa “kualiti keseluruhan cerpen yang disiarkan dalam *Skor, Berita Harian...merosot sedikit.*” Kemerosotan itu dilihat daripada tema-tema yang hampir sama dengan tahun-tahun sebelumnya. Persoalan yang dibawa masih berlegar pada alam persekolahan dengan “watak-watak yang diwujudkan secara terpaksa”. Maksudnya, penulis terpaksa mewujudkan watak-watak pelbagai kaum untuk membawa persoalan perpaduan. Kecenderungan seperti itu, menurut panel hakim, telah merencatkan

keaktiviti pelajar khususnya melalui penyelesaian cerita secara simplistik untuk mewujudkan perpaduan kaum. Namun bagi para hakim, kelemahan tersebut sebahagian besarnya disebabkan oleh syarat-syarat peraduan yang membataskan tema cerpen kepada persoalan perpaduan kaum di Malaysia (Jabatan Perpaduan Negara 2004).

Antologi yang memenangi Hadiah Sastera Remaja (Cerpen) Esso-Gapena 1 yang diadakan pada tahun 1981 ialah *Sayang Si Tina* yang dihasilkan oleh Ali Majod. Dalam antologi tersebut terdapat enam cerita yang masing-masing bertajuk “Berlagak Wakil Rakyat”, “Terlepas Daripada Cengkaman Esok”, “Kebanggaan”, “Sayang Si Tina”, “Diari Seorang Pengawas”, dan Pahlawan Kampung Mengkudu”. Faktor-faktor yang menyebabkan kemenangan antologi tersebut ialah aspek garapan persoalan, psikologi remaja, persembahan bahasa, dan pengolahan cerita. Secara keseluruhan, Ali Majod dikatakan telah berjaya mengemukakan pelbagai tema dengan “mengangkat bahan sejarah, semasa dan yang bersifat futuristik. Kesemua tema tersebut digubah dengan kemas dan baik serta disampaikan dengan cara yang konsisten antara sebuah cerpen dengan yang lain.” Panel penilai juga berpendapat bahawa pengarang antologi itu “benar-benar memahami dunia remaja, psikologi dan berjaya menyorot pergolakan jiwa wataknya tanpa lupa memasukkan unsur humor, di mana perlu, dalam karyanya” (Ali Majod 2004).

### Anugerah Buku Perpustakaan Negara

Dalam anugerah yang pertama pada tahun 2004, hanya sebanyak 32 judul buku kanak-kanak telah disemak untuk saringan awal. Banyak buku yang telah diketepikan kerana tidak memenuhi syarat asas seperti mengandungi ISBN dan CIP. Ini bermakna bahawa jumlah buku yang mempunyai format dan standard sewajarnya amatlah sedikit berbanding jumlah buku dalam kategori kanak-kanak yang direkodkan bagi tahun 2004 iaitu tidak kurang daripada 3,000 judul. Ini bermakna hanya satu peratus buku yang dikemukakan atau pada pendapat panel hakim, buku yang layak untuk dinilai dan diadili. Selain faktor tidak memenuhi syarat umum yang disediakan, kebanyakan buku dalam kategori kanak-kanak bersifat buku teks, buku ulang kaji, dan buku rujukan pelajaran.

Panel hakim berpendapat bahawa keseluruhannya, mutu buku kanak-kanak di Malaysia masih belum memuaskan dari segi kandungan dan keadaan fizikalnya. Dalam keadaan sedemikian, tiada buku yang dianggap layak untuk diberi anugerah utama pada tahun tersebut. Walau bagaimanapun, buku *Siri Superjaguh* diberi Anugerah Khas. Buku yang mengandungi tujuh siri ini ditulis oleh Nor Azmi Mohd Noor dan dilukis oleh kumpulan ilustrator DBP yang diketuai oleh Ahmad Fauzi Mohamed.

Buku *Superjaguh* merupakan buku informasi tentang sains perubatan dengan subjek yang mencabar iaitu sistem pertahanan tubuh. Namun, penyampaiannya dibuat dengan menarik melalui kiasan watak-watak animasi yang dilukis dengan teknik ilustrasi digital. Persembahan yang terang dan warna-warni ini dapat menarik perhatian kanak-kanak. Namun begitu, istilah-istilahnya masih boleh dianggap sukar dan pembacaan disukarkan lagi dengan sifat siri buku tersebut. Pembaca tidak mudah faham jika tidak bermula dengan siri pertama.

### PENUTUP

Kegiatan pertandingan dan anugerah sastera harus diakui dapat memainkan peranan penting dalam memajukan bidang perbukuan khususnya dari segi jumlah judul, kepelbagaian judul, serta dari segi kualiti secara keseluruhannya. Namun begitu, sebagaimana dalam pengamatan di atas, masih amat banyak usaha yang perlu dilakukan untuk melonjakkan kualiti penerbitan dan pengkaryaan buku kanak-kanak dan remaja di negara kita. Ternyata bahawa sebahagian daripada

masalah ialah kelemahan yang melibatkan subjek cerita, bahasa, dan ilustrasi. Masalah-masalah yang lebih mendalam melibatkan teknik-teknik penulisan yang berkesan untuk menimbulkan minat membaca di kalangan generasi muda. Ini dapat dicapai melalui paparan unsur-unsur yang menyeronokkan di samping elemen yang dapat memberikan pengetahuan dan pengajaran untuk membentuk sikap serta sahsiah yang baik. Walaupun kelemahan itu telah dikenal pasti sejak beberapa dekad yang lampau, ia masih terus disebut dan dijadikan sebagai ciri penting dalam kelemahan buku-buku tempatan.

Buku kanak-kanak dan remaja, seperti yang diakui oleh banyak penulis, sebenarnya bukan mudah untuk dihasilkan. Memanglah struktur dan bahasanya lebih “simple” daripada buku untuk dewasa tetapi “simplicity” biasanya sukar untuk dicapai. Selain itu, sesetengah orang berpendapat bahawa kanak-kanak mempunyai kemampuan yang luar biasa untuk meresapkan diri mereka ke alam imaginasi kerana minda mereka yang segar dan reseptif. Jadi, buku kanak-kanak mestilah mampu membawa kanak-kanak ke alam imaginasi yang bukan sahaja dipenuhi oleh keseronokan tetapi juga kadangkala oleh kebimbangan, ketakutan, kekecewaan, dan kepiluan. Ini hanya dapat dicapai melalui kemahiran penulis dalam memilih cerita, menentukan watak, melukiskan perwatakan, memilih sudut pandangan, mewujudkan konflik, dan sebagainya. Tukang cerita yang baik tidak akan menjemukan pembacanya walaupun dalam sedetik atau dalam satu baris ayat sebagaimana Shahrezad dalam cerita *Seribu Satu Malam* yang tidak pernah menjemukan raja dengan cerita-ceritanya.

## RUJUKAN

- Ali Majod. 2004. *Sayang Si Tina*. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buku Cenderamata. 1995. *Anugerah Buku Kanak-kanak Mobil-Mabopa 1995*. Kuala Lumpur: Persatuan Penerbit Buku Malaysia.
- Buku Cenderamata Anugerah buku Perpustakaan Negara Malaysia*. 2004. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia
- Buku Cenderamata Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (1995 hingga 2004)*. Kuala Lumpur: Majlis Buku Kebangsaan Malaysia.
- Del Corral, Milagros. 1997. “Foreword” dlm. *Buku Cenderamata Seminar dan Bengkel Penerbitan Buku Kanak-kanak Pada Alaf Baru*, anjuran DBP dan UNESCO, Shah Alam, Selangor 11-13 Disember.
- Hashim Amir Hamzah. 2004. *Cincin Rabsia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Perpaduan Negara. 2001. *Jentayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Perpaduan Negara. 2004. *Kami dan Afeya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sharifah Hasnah Abdullah. 2004. *Ibu Yang Kusayang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Aishah Sheikh Kadir dan Harleeza Abu Husin. 2003. Galakan Pembacaan dan Penggunaan Buku Kanak-kanak: Peranan Perpustakaan Negara Malaysia. Kertas Kerja Seminar kebangsaan Buku Kanak-kanak Malaysia 2003 di Shah Alam, Selangor.

